

BAE II
LANDASAN TEORI

LANDASAN TEORI

A. Islam

Islam yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. berkaitan rapat dengan kejadian dan fitrah semulajadi manusia yang merujuk kepada diri insaniyyahnya.¹ Asas persoalan adalah berdasarkan hakikat kejadian manusia dalam bentuk yang berpadu antara unsur kerohanian dan jasmani. Ia disandarkan dengan firman Allah yang bermaksud:

"Apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya dan telah meniupkan ke dalamnya roh ciptaan Ku, maka hendaklah kamu semua malaikat dan iblis tunduk sujud kepadanya." 2

Tujuan utama manusia dijadikan adalah untuk beribadat kepada Allah Ta'ala.³ Ibadat yang dimaksudkan ini adalah ibadat yang mendapat peringkat ihsan iaitu ibadat yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabdanya yang bermaksud:

"... kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya dan sekiranya kamu tidak melihatNya, sesungguhnya Ia melihat kamu!"

¹ Di dalam Al Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menyentuh tentang manusia dengan menggunakan istilah Insan dan Bashar. Di antara ayat-ayat yang mengandungi istilah Insan ialah al Hijr 15:26, 28, 33, al Nahl 16:4, Maryam 19:17, al Sajadah 32:7, al Rahman 55:14, al Alaq 96:2 dan mengikut apa yang tercatat dalam al Mu'jam al Mufahras, terdapat 26 perkataan Bashar dan 10 perkataan Basharan digunakan dalam ayat-ayat al Quran.

² al Quran, surah al Hijr 15:29.

³ al Quran, surah al Dhariyat 51:56. maksudnya: Dan Aku tidak mencipta Jin dan Manusia melainkan supaya menyembahKu.

⁴ Muslim, al Jami' al Sahih, 8 juz, I:30 (Kitab al Iman, bab al Iman Ma Huma Wa Bayan Khisaluha), Dar al Fikri, Beirut.

Hadis ini turut menjelaskan tentang Islam sebagai agama un tuk kebahagiaan manusia yang mempunyai tiga asas iaitu:

- i. Iman iaitu amalan anggota dalam atau amalan hati dengan perkara agama, membenar, menerima dan mengamalkannya.
- ii. Islam iaitu amalan anggota luar yang menjunjung, mengaku ku dengan perkara agama, menerima serta mengamalkannya.
- iii. Ihsan iaitu amalan untuk mengelok dan membersihkan anggota luar dan dalam. Atau dengan kata lain, mengelokkan Iman dan Islam serta menghiasi keduanya dengan meninggalkan perkara-perkara yang ditegah dan menyempurnakan syarat-syarat rukun Iman dan Islam serta apa yang diperintahkan.⁵

Sheikh Zakaria al Kandahlawi telah menegaskan dalam kitabnya al Shari^c at wa al Tariqat mengenai hubungan Ilmu Tariqat dan Tasauf yang pada dasarnya adalah Ihsan dengan berkata:

"Tariqat ialah nama kedua bagi Ihsan atau jalan menuju ke arah Ihsan. Ianya juga dinamakan Tasauf atau Suluk atau namakanlah dengan apa nama sekalipun kerana maksudnya adalah satu walaupun berlainan perkataan." ⁶

Jelaslah ajaran Ihsan yang dituntut oleh agama melahirkan ajaran tasauf dan tariqat. Drs. Sidi Ghazalba menjelaskan bahawa

⁵ Hj. Daud B. Hj. Umar Al Labadi, Guru Tariqat Ahmadiyah, Pasir Puteh, Kelantan, Risalah Tasauf, t.p, t.k, t.th. hlm. I.

⁶ Sheikh Zakaria al Kandahlawi, al Shari^c at wa al Tariqat, Dar al Rashad, al Qahirah, 1980. hlm. 99.

seorang muslim akan meningkat martabatnya dengan cara mengihsan-
kannya (muhsin) setelah melaksanakan rukun Iman (mu'min) dan ru-
kun Islam (muslim) di mana keduanya saling mempengaruhi.⁷ Apa-
bila seseorang itu berhasil mencapai martabat Ihsan, ibadat itu
dapat dipertingkatkan lagi sehingga mencapai martabat Ikhlas
(mukhlis). Pengihsanan dan pengikhlasan itu merupakan tahap^c iba-
dat yang akan menumbuhkan sikap hidup muslim yang diistilahkan se-
bagai taqwa (muttaqin).⁸

Kesimpulan yang diperolehi bahawa Ihsan menggambarkan
perjalanan tariqat yang mempunyai banyak perkara-perkara yang per-
lu dilaksanakan, tetapi terdapat tiga perkara pokok yang perlu di-
tekankan oleh pengamalinya. Pertama, manusia disuruh menyucikan di-
ri dari sifat-sifat mazmumah. Kemudian menghiaskan diri dengan si-
fat mahmudah dan akhirnya melakukan wirid-wirid, amalan-amalan^c i-
badat serta doa-doa mengingati Allah di mana amalan ini berterus-
an sehingga menjadi satu kelaziman baginya.

B. Islam, Tasauf dan Tariqat

Penulis akan membincangkan tasauf dan tariqat serta hubu-
ngan di antara keduanya. Perbahasan juga meliputi tasauf dan tari-

⁷ Drs. Sidi Ghazalba, Asas Agama Islam, Terbitan Bulan Bin-
tang, Jakarta, Cetakan I, 1975. hlm. 27.

⁸ Ibid, hlm. 29.

gat berhubung dengan agama Islam.

I) Definisi tasauf

Tasauf adalah satu persoalan yang menarik perhatian ramai, terutama di kalangan pengkaji-pengkaji ilmu sejak dari dahulu sehingga hari ini. Ia disebabkan oleh ketiadaan satu definisi yang umum merangkumi kesemua aspek dan ciri-ciri tasauf. Ada bermacam-macam pendapat tentang tasauf kerana setiap penulis atau pengkaji mempunyai pengertian dan kefahaman tersendiri. Seringkali ta^crif yang dibuat mengikut arah dan tujuan dalam pengalaman yang diperolehi dan taraf yang dicapai oleh mereka.

Dalam satu kajian mengenai asal usul dan perkembangan tasauf, R. A. Nicholson dapat mengumpul 78 ta^crif.⁹ Abu Mansur Abdul Qadir al Baghdadi pula mengatakan bahawa ada kira-kira 1,000 ta^crif tasauf dan begitu juga mengikut laporan al Sahrawardi.¹⁰ Sementara Dr. Afifi pula menyebut bahawa terdapat 65 ta^crif tasauf.¹¹ Dr. Qasim Ghani berpendapat bahawa kita akan dapat menggambarkan hakikat tasauf dengan memberi suatu ta^crif yang umum menepati kon

⁹ R. A. Nicholson, A Historical Enquiry Concerning The Origin And Development Of Sufism, JRAS, New Series, London, 1906. hlm. 303-348.

¹⁰ Abdul Qahir B. Abdullah al Sahrawardi, Awarif al Ma^carif, Dar al Kitab al Arabi, Beirut, 1966. hlm. 57.

¹¹ Abu al Ula Afifi, Kitab al Tasauf, al Tatawwurat al Ruhiyyah, Iskandariah, 1963, hlm. 35.

sep dan ciri-ciri tasauf secara keseluruhan.^{I2} Bermula dari sini-lah, ahli sufi dan para pengkaji tasauf melakukan usaha-usaha dalam memberikan satu definisi yang dianggap jami^c. Al Sahrawardi telah menyimpulkan tasauf sebagai:

"Seorang sufi ialah orang yang sentiasa dalam usaha pembersihan. Ia sentiasa menjaga waktunya dari debu kekotoran iaitu membersihkan hati dari kekotoran nafsu. Yang menolong untuk melaksanakan usaha ini ialah: sifat sentiasa merasa kefakiran (iftigar) diri pada Allah. Setiap kali nafsu itu bergerak dengan salah satu dari sifat-sifatnya, maka ia kan segera menyedarinya melalui mata hatinya (al basirah) yang amat awas, lalu ia lari dari sifat nafsu itu dan menuju kepada Allah. Dengan bersikap tetap dan sentiasa dalam pembersihan, maka ia akan bersifat Qawwamin (menegakkan kebenaran)." I3

Sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu berdiri kerana Allah, menjadi saksi dengan keadilan." I4

Sifat Qawwamiyyah kerana Allah terhadap nafsu terlaksana melalui tasauf.

Dr. Abu al Wafaa' al Ghanimi al Taftazani telah menegaskan bahawa tasauf secara umumnya adalah merupakan falsafah hidup dan cara tertentu didalam tindak tanduk dan perjalanan hidup seseorang

I2 Dr. Qasim Ghani, Tarikh al Tasauf fi al Islam, Trj. Sa-diq Nas'at al Qahirah, Maktabah al Nahdah al Misriyah, 1970. hlm. 273.

I3 Abdul Qahir B. Abdullah al Sahrawardi, Awarif al Ma^carif, ditahqiq oleh Abd. al Halim Mahmud, Matba^cah al Sa^cadah, 1971. hlm. 58.

I4 al Quran, surah al Maidah, 5:8.

rang untuk sampai ke tahap kesempurnaan akhlak, mengetahui serta mengenal hakikat dan mencapai kebahagiaan rohani.^{I5} Definisi yang diketengahkan itu menyamai definisi yang diberi oleh Imam al Ghazali dalam kitab Ihya' 'Ulumuddin.^{I6} Definisi-definisi yang berbeagai ini memahamkan kita bahawa manusia yang sedar hakikat kejadiannya akan sentiasa ingin kembali kepada Allah melalui hubungan diri insaniyyah yang bersifat ruhi dengan menggunakan tasauf.

Tasauf juga di definisikan sebagai "Musyahadah dan safa."^{I7} Ia dikemukakan oleh Kattani dan di anggap menyeluruh kerana ia mengandungi dua unsur penting tasauf iaitu wasilah dan ghayah di mana al safa sebagai wasilah untuk sampai kepada ghayah iaitu al musyahadah.^{I8}

Daripada perbincangan tersebut dapat disimpulkan bahawa tasauf tidak terkeluar dari maksud asal perkataannya kerana ia mengandungi konsep hidup zahid, wara^c, abid^c, berusaha menyuci hati dan diri, berlumba melakukan kebaikan, berakhlak mulia, mematuhi perintah dan menjauhi larangan Allah s.w.t.

^{I5} Dr. Abu al Wafaa' al Ghanimi al Taftazani, Madkhal ila Tasauf al Islami, Dar al Thaqafah, al Qahirah, 1976. hlm. 25-26.

^{I6} Imam al Ghazali, Ihya' 'Ulumuddin, Jilid I, Muassasah al Halabi, al Qahirah, 1967. hlm. 28.

^{I7} Abd. Halim Mahmud, Abhath Fi al Tasauf wa Dirasat, Dari Iman al Ghazali dlm. al Munqidh Min al Dhalal, 7th ed, Dar al Kutub al Hadithah, al Qahirah, 1972. hlm. 235.

^{I8} Ibid.

2) Definisi tariqat

Tariqat pula merupakan satu istilah dalam tasauf yang lahir selepas zaman permulaan Islam. Istilah ini secara tidak langsung adalah salah satu istilah yang digunakan di dalam al Quran yang mulia, namun kelahirannya bukanlah menjadi satu kesalahan selama mana ia tidak bercanggah dengan ajaran al Quran yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui malaikat Jibrail.¹⁹

Tariqat ialah perjalanan, berasal dari perkataan Arab, tetapi istilah ini telah diterima dan digunakan di dalam Bahasa Malaysia.²⁰ Allah s.w.t. juga menggunakan beberapa perkataan di dalam al Quran yang memberi maksud yang sama dengan at tariq atau at tariqat seperti al sabil (السبيل), al sirat (الصراط) dan al sirat al mustaqim (الصراط المستقيم). Kesemua perkataan ini sama ertinya dengan perkataan at tariq dan at tariqat. Apabila perkataan at tariqat diguna dalam perbincangan Ilmu Tasauf maka ia bermakna perjalanan di atas landasan dan jalan yang membawa kepada mengenal Allah serta menuju kepada keredhaannya. Jalan ini sudah pasti melalui landasan yang benar serta jalan yang dire-dhai oleh Allah berdasarkan hidayat dan petunjukNya, berlandaskan

¹⁹ al Quran, surah al Ahqab, 46:30, surah Taha, 20:104, surah al Jin, 72:16.

²⁰ Dr. Mahmud Saedon b. Awang Osman, Sejarah Perkembangan Tariqat/Tasauf Dan Persoalan-persoalan Mengenainya, Seminar Tasauf Islam Peringkat Kebangsaan, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, Disember 1985. hlm.

wahyu dari Allah dan bersumberkan al Quran dan al Sunnah dengan tujuan ma^carifat Allah, mahabbah dan mushahadah.²¹

Al Sheikh Abd. Samad al Palembangi mengatakan bahawa ilmu tariqat dan suluk itu ialah jalan untuk mengetahui ilmu hakikat yang juga dinamakan al Nafi^c iaitu ilmu yang memberi kemanafaatan di akhirat. Ia juga dinamakan sebagai ilmu tasauf.²²

Tabi^cat sesuatu perjalanan menuju Allah, pastinya menempuh tariq yang rumit dan payah, lantas ianya mendorong kelahiran tariqat. Pengertian tariqat yang lebih khusus telah diberi oleh al Jarjani iaitu "Satu perjalanan yang umumnya bagi para al salikin menuju Allah dengan melalui beberapa peringkat dan menaiki beberapa maqam".²³

Menurut al Qushairi, tariqat bermaksud supaya insan mencari dan mendekatinya (at tagsudah).²⁴ Dengan lain perkataan tariqat adalah perantaraan (wasilah) untuk menuju kepada Allah dan mencapai satu matlamat untuk kebahagiaan diri di bawah pimpinan seorang guru murshid. Dari sudut lain, tariqat diertikan sebagai "Mengajar

²¹ Ibid.

²² Al Sheikh Abd. Samad al Palembangi, Sair al Salikin, Dar al Ma^carif, Pulau Pinang, Malaysia. hlm. 6.

²³ Muhammad Sulaiman b. Haji Yassin, Tarekat Tasauf, Satu Pengenalan Dan Permasalahan, Fakulti Pengajian Islam, Ukm, 1980. hlm. 25.

²⁴ al Qushairi, Risalah al Qushairiyah, Matba^cah al Babi al Halbi, Mesir, Cetakan Kedua, 1959. hlm. 98.

beribadat kepada Allah dengan penuh kesedaran bahawa seseorang insan itu sentiasa berhadapan denganNya dan melihatNya atau Ia melihat insan serta sentiasa berdekatan dengan mereka.²⁴

Dalam jangka masa perkembangannya, perkataan tariqat telah diberi pengertian yang luas merangkumi hidup kerohanian tanpa mengambilkira samada ia berlandaskan ajaran tariqat tertentu atau pun tidak. Allah berfirman yang bermaksud:

"Orang-orang yang berjuang dalam (menunaikan hak) Kami, nescaya Kami tunjuki mereka ke jalan Kami. Sesungguhnya Allah berserta dengan orang-orang yang ~~yang~~ membuat kebaikan." 25

Berdasarkan pengertian-pengertian yang dikemukakan oleh para sufi dan pengkajinya, jelaslah bahawa tariqat boleh diertikan sebagai jalan, petunjuk dan panduan dalam melaksanakan ibadat bersesuaian dengan apa yang diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w. dan dicontohi oleh para sahabat, tabi^Cin dan seterusnya hinggalah ke zaman ini bagi mengejar matlamat yang telah ditentukan. Guru-guru bertugas untuk memimpin serta memberi petunjuk kepada para salik agar segala peraturan yang terdapat di dalam shari^Cat dijalankan dengan sebaik-baiknya.

3) Matlamat tariqat tasauf

Tasauf timbul dari tasa kekosongan dan kesepian hati dalam pengibadatan hamba kepada Tuhannya. Tabi^Cat lali manusia seringka

²⁴ Simposium Tasawwuf Dan Tariqat (Kertas kerja, Jabatab U-suluddin Dan Falsafah, UKM), Mac 1982. hlm. 6-7.

²⁵ al Quran, surah al Ankabut, 29:69.

li mendorong mereka untuk melupakan tanggungjawab asasi kehidupan lantasi semakin hari, mereka semakin jauh dari Allah s.w.t. Allah juga ada memaparkannya di dalam al Quran yang bermaksud:

"Dan carilah apa yang telah dianugerah oleh Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bagianmu dari (kenikmatan) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang membuat kerusakan." 26

Berdasarkan konsep yang satu di antara tariqat, tasauf dan ihsan iaitu menuju Allah, ma'rifat Allah dan mahabbah Allah demi mendapat keredhaanNya bagi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Pencapaian martabat ihsan adalah melalui cara beribadat kepada Allah, mentarbiyah jiwa supaya tenang, membersihkan hati dari kekotoran dan penyakit yang menguasai nafsu, bermujahadat dan riadhah dalam membentuk akhlak yang mulia dan membersihkan roh dari setiap kecurfuran dan keshirikan supaya lahirlah hati yang benar-benar bersih, suci dan sejati. 27

Ayat suci al Quran banyak menceritakan tentang matlamat yang ingin dicapai oleh para sufi dan ahli tariqat, antaranya, Allah berfirman yang bermaksud:

"Sesungguhnya berjaya adalah orang yang menjadikan dirinya (yang sedia bersih) bertambah bersih (dengan iman dan amalan kebajikan) dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya

26 al Quran, surah al Qasas, 28:77.

27 Mahmud Saedon, op. cit, hlm. 7.

(yang sedia bersih) itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran dan ma^csiat)." 28

dan maksudnya lagi:

"Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu." 29

Nyata sekali hidup kerohanian akan mempertingkatkan nilai-nilai dan di sinilah tersimpannya rahsia-rahsia dari kebenaran, kebaikan dan keindahan. Kesimpulan dari ketiga-tiga itulah yang mewujudkan fikiran tertinggi, menjadi idea dari peri kemanusiaan dan menjadi kehendak dari orang yang ingin hidup dalam kebahagiaan. Hasilannya mewujudkan insan-insan yang menyerah sepenuh diri mereka kepada Pencipta. Dan serentak dengan itu lahirilah hamba-hamba yang menduduki maqam-maqam tertinggi iaitu maqam tawakkal, maqam sabar, maqam redha, maqam malu, maqam berhajat, maqam cinta kasih di antara hamba dengan Tuhannya dan maqam taubat.³⁰ Insan-insan ini akan mampu menyempurnakan perintah dan menjauhi larangan Allah, mendapat dzauqnya dan berupaya menilai harga agama Islam serta mengasihinya.

Sheikh Mahmud Muhammad al Sutuhi mengatakan bahawa t^asauf

28 al Quran, surah as Shams, 91:9-10.

29 al Quran, surah al Hujurat, 49:13.

30 Maqam-maqam yang diperolehi oleh para sufi dilandaskan kepada ayat-ayat suci al Quran antaranya: surah al Baqarah 2:155, 222, 273, surah al Maidah 5:54, 119, surah at Taubah 9:51, surah Ibrahim 14:7, surah an Nahl 16:127, surah at Talaq 65:3, surah al Alaq 96:14.

adalah perintis jalan yang paling sesuai dan hampir untuk memelihara iman setiap umat Islam dalam memahami dan mengamalkan tamaddun dunia hari ini yang penuh dengan percanggahan di antara satu sama lain.³¹ Pengasas Tariqat al Rifa^ciyah, al Imam Rafie berkata:

"Tariqat kami hanya satu perjalanan agama tanpa melalui li-ku-liku bid^cah, menggalakkan ke jalan kebangkitan dari kelemahan dan membimbing jalan amal tanpa sifat riak." 32

Menurut sheikh Ibrahim al Dusuki, bahawa seseorang ahli sufi masih tidak sempurna sehinggalah dia mengasihi manusia dan sanggup mengingatkan mereka supaya menutup aurat. Sementara al Imam Ahmad al Badawi berpendapat bahawa perjalanan tasau^f dan tariqat membawa kebahagiaan dunia dan akhirat.³³ Allah berfirman yang bermaksud:

"Maka sesiapa yang mengharap^kan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia berlaku baik." 34

Seorang orientalis Jerman telah mengakui keperibadian yang ada pada ahli tasau^f. Pertama, kuat pendirian dan taat setia kepada pemerintah Islam. Kedua, cinta yang mendalam terhadap rasulnya. Ketiga, cinta terhadap Allah dan patuh pada perintahNya. Keempat, kasih dan patuh kepada sheikh-sheikh tariqat. Sementara Gibb pula

³¹ Sheikh Mahmud Muhammad al Sutuhi, Syariat, Tariqat Dan Hakikat Menurut Pandangan Ahli Sufi, Mac 1982, al Islam, Bil. 3, Tahun 9, dialihbahasa oleh Noerul Azahariah Hanan W.M. hlm. 20.

³² Ibid. hlm. 22.

³³ Ibid. hlm. 22.

³⁴ al Quran, surah al Kahfi, 18:110.

mengakui bahawa tasau³⁵f yang ada sekarang merupakan gambaran bersih dalam sejarah dan telah mewujudkan erti kebaikan dan keindahan dalam hidup.³⁵

Sesungguhnya cabaran hidup di masa ini memerlukan satu inisiatif mendalam untuk mengarahkan umat Islam kembali kepada kegemilangan yang pernah dicapai oleh sejarah hidup kaum muslimin sedikit masa dahulu. Tetapi dengan adanya tasau³⁵f dan tariqat, dapatlah mereka menjadi benteng yang sukar ditembusi oleh pengaruh-pengaruh materialisme dan penyelewengan agama. Usaha-usaha ahli tasau³⁵f dalam mentar³⁵biyah rohani dan jasmani untuk bertaqarrub dengan Allah akan tercapai apabila mereka mencapai tingkat ihsan iaitu penghayatan dan pengalaman^c aqidah dan shari^cat sesempurna mungkin.

4) Sumber, dasar dan ciri tariqat tasau³⁵f

Tariqat adalah jalan menuju Allah dan cara-cara mengadap ke hadrat Ilahi dengan penuh keimanan dan keihsanan. Untuk tujuan tersebut ianya mesti berjalan di atas suatu landasan yang benar dan dikawal oleh hidayat Allah berpandukan wahyunya. Ia tidak boleh keluar dari ruang lingkup ajaran Islam, dan perjalanan shari^cat malahan sumbernya mestilah dari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w.

³⁵ al Islam, Mac 1982, op. cit., hlm. 22.

Sheikh Ahmad al Dandarawi telah berkata bahawa "Tariqatku berpegang dengan kitab Allah al Quran dan Sunnah Rasulullah." 36

Perjalanan yang berpandukan dua sumber utama itu merupakan dasar penting dalam tariqat sufiyyah. Garisan ini diakui oleh semua ahli tasawuf Islam. Apabila berlaku sebarang penambahan atau pengurangan daripada keduanya itu serta bertentangan pula dengan Ahli Sunnah maka perubahan itu dianggap bid'ah. Oleh itu para sufi wajib menolaknya.³⁷ Penetapan dasar ini dipersetujui oleh Sulaiman al Darani dan Abdul Baqi Sarur. Sementara itu terdapat ahli tariqat yang meletakkan garis kasarnya secara khusus seperti Sahl al Tastari yang berkata:

"Dasar-dasar tarekat kami tujuh, pertama berpegang dengan kitab Allah al Quran. Kedua mengikuti Sunnah Nabi s.a.w. Ketiga memakan yang halal. Keempat menahan menyakiti orang. Kelima menjauhi sekalian maksiat. Keenam menatapi di atas tubuh, dan ketujuh menunaikan sekalian hak." 39

Mengikut pendapat Abu Ruwain bahawa tasawuf diasaskan dari tiga perkara iaitu:

- i. Berpegang kepada kemiskinan dan mengamalkan sikap mengha

³⁶ As Sheikh Ahmad b. Muhammad Said al Linggi, Pengantar ke pada Tariqat Ahmadiyah, (disunting dan dialihbahasa dari al Faraid al Ma'thur al Marwiyah, oleh Mahmud Haji Ahmad), Terbitan Persatuan Ulama' Malaysia. hlm. 22.

³⁷ Said Hawwa, Tarbiyatuna al Ruhiyyat, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1981.

³⁸ Ibid.

³⁹ Haji Zainal Abidin Abbas, Ilmu Tasawuf, Pustaka Aman Press, cetakan Ketiga, 1977. hlm. 190.

rap.

- ii. Sedia menerima pemberian dan mengikuti jejak Rasulullah.
- iii. Sedia meninggalkan permusuhan dan pertentangan.⁴⁰

Perbincangan mengenai dasar ini banyak dibincangkan dalam buku tasauf.⁴¹

Dari huraian di atas dapatlah disimpulkan bahawa tasauf merupakan penghayatan wahyu yang diturunkan oleh Allah s.w.t. dan apa yang diajar oleh Rasul. Sekitarnya ada di kalangan mereka yang ingin menonjolkan kepada kita satu ^caqidah baru, ijtihad-ijtihad fihiyyah baru atau pun gambaran-gambaran salah dalam ^caqidah dengan bersandarkan hadis-hadis palsu dan lemah, maka sesungguhnya ia telah te keluar dari ajaran Islam.

5) Hubungan tasauf, ^caqidah, shari^cat dan hakikat

Ramai pemerhati dan pengkaji tasauf dan tariqat mempertikai adanya hubungan suci dan saling meredhai antara tasauf, ^caqidah dan shari^cat. Masing-masing cuba mencari kesalahan samada yang ter dapat pada ilmu tasauf mahu pun ahli sufi itu sendiri. Selain dari pada ^culama' falsafah dan ahli ^caqal, ahli masyarakat dan ahli akh

⁴⁰ al Islam, Mac 1982, op. cit, hlm. 21.

⁴¹ Sila lihat buku Systematik Tasawwuf oleh Drs. Barmawie Umarie, terbitan Ab. Sitti Sjamsijah Sala, Cetakan Kedua, 1979 hlm. 103. Dan juga buku Tarekat Dalam Tasawwuf, oleh Prof. Dr. H. Aboe Bakar Atjeh, Pustaka Aman Press, 1979, hlm. 6.

lak juga turut memperolok-olokkan tasauf. Mereka berpendapat ilmu tasauf dan pandidikannya tidak elok untuk dijadikan pedoman hidup anali. Sekiranya amalan zuhud dipraktikkan, mereka percaya ekonomi masyarakat akan lemah, sedangkan mereka lupa bahawa zuhud boleh membawa kepada sifat tidak terlalu mementingkan material. Malahan zuhud mengembalikan kehidupan seumpama sirah Rasulullah dan para sahabat.⁴²

Permasalahan tasauf dan shari^cat timbul dari dahulu sehingga sekarang. Terdapat segolongan ahli figh yang menolak tasauf dengan mengatakan tasauf dan perjalanannya terkeluar dari garis-garis yang ditetapkan oleh shara^c. Namun begitu pendapat dan tuduhan ini telah cuba ditolak oleh para sufi.

Menurut pengertian umum, shari^cat ialah Islam, kerana shari^cat bererti tiap-tiap perkara yang diperundangan oleh Allah dan ajaran-ajaran Islam keseluruhannya.⁴³ Ada juga 'ulama' yang cenderung untuk mengkhususkan pengertian ini dengan maksud ia adalah undang-undang dan peraturan Islam. Berdasarkan pengertian yang sempit ini, kebanyakan 'ulama' membahagikan Islam kepada shari^cat dan aqidah sedangkan para sufi memasukkan tariqat dan hakikat. Berto-

⁴² Zainal Abidin Abbas, Ilmu Tasawwuf, op. cit, hlm. 180-181.

⁴³ Dr. Yusuf Musa, al Madkhal li Dirasat al Figh al Islam, Dar al Fikri al Arabi, Mesir, 1966. hlm. 9.

lak dari sinilah setengah golongan shari^cat menolak kesucian tasauf dan menetapkan Islam adalah shari^cat dan ^caqidah. Menurut Ibn Abidin berdasarkan pendapat al Qadhi Zakaria: ⁴⁴

"Tariqat ialah jalan, bertariqat bermakna berjalan di atas landasan shari^cat, dan shari^cat itu ialah perbuatan yang disharakan, ini bermakna: Tariqat, shari^cat dan hakikat adalah tiga perkara yang tidak boleh dipisahkan kerana jalan menuju Allah itu ada dua: zahir dan batin, yang zahir ialah shari^cat dan hakikat dan yang batin itu ialah hakikat, oleh yang demikian, inti dari shari^cat dan tariqat ialah hakikat..... tujuan ketiga itu ialah untuk menegakkan ^cubudiyah seperti yang dikehendaki oleh Allah terhadap hamba-hambanya."

Sheikh Ahmad al Zarruq, di dalam kitabnya, "Qawaid al Tasauf" berkata: "Faqih menghakimi (mengadili) atas sufi dan tidaklah sufi menghakimi atas faqih." Oleh itu pada dasarnya, tidak ada perbezaan antara shari^cat dan hakikat atau antara zahir dan batin. Setiap perkara yang menyeleweng dari shari^cat walaupun kecil adalah tertolak dari tasauf Islam.

Di samping itu terdapat juga tuduhan-tuduhan yang menolak adanya hubungan murni di antara tasauf dan ^caqidah. Sebenarnya pernentangan ini dibuat kerana mereka menganggap bahawa tasauf membenarkan tasauf al ittihad, hulul, wusul dan wihdah al wujud. Al Ghazali menceritakan bahawa terdapat segolongan penganut mazhab al ittihad yang menganggap bahawa pada permulaan perjalanan tariqat, mereka sudah menyelami peringkat mushahadah. Pada waktu itu mereka

⁴⁴ Mahmud Saedon, Seminar Tasauf Islam, op. cit, (dipetik dari Kitab Madarij al Haqiqat fi Rabitah Inda Ahli al Tariqat oleh Ibrahim Hilmi al Qadiri). hlm. 12.

bukan sahaja boleh melihat rupa malaikat dan roh para nabi tetapi dapat juga mendengar suara-suara yang memberi panduan kepada mereka untuk diikuti. Dari tahap itu mereka akan terus naik ke peringkat yang lebih tinggi sehingga ke tahap yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Al Ghazali menolak terus pegangan ini. Begitu juga dengan konsep al ittihad, hulul, wusul dan wihdah al wujud. Beliau menjelaskan alasan-alasan penolakannya di dalam kitab al Maqsad al Asna.⁴⁵

Sebenarnya, Ihsan memperlihatkan persebatian ^Caqidah dengan shari^Cat atau melaksanakan shari^Cat dengan penghayatan ^Caqidah atau kesepaduan yang merupakan punca kesempurnaan ^Caqidah dan shari^Cat. al Imam al Sha^Crani juga telah menerangkan konsep ilmu Tauhid golongan sufiyyah dalam kitabnya "al Anwar al Qadsiyah fi Makrifat Qawaid al Sufiyyah" bahawa mereka tidak pernah menyeleweng dari garis-garis yang ditetapkan oleh al Quran dan al Hadis.⁴⁶

Sebagai kesimpulannya, jelaslah bahawa ilmu ^Caqidahlah yang mengikat ilmu tasauf manakala ilmu tasauf yang menyempurnakan ilmu ^Caqidah dari segi penghayatannya. Sekiranya berlaku penambahan atau pengurangan yang bertentangan dengan shara^C, maka ia adalah satu penyelewengan yang mewajibkan kita untuk membersihnya.

⁴⁵ al Imam Dr. Abdul Halim Mahmud, Qadiyyah al Tasauf al Mungidh min al Dhalal, Dar al Ma^Carif, Kaheerah, Cetakan 2. hlm. 164.

⁴⁶ al Imam Abd. Wahab al Sha^Crani, al Anwar al Qadsiyah fi Makrifat Qawaid al Sufiyyah, Maktabah al Ma^Carif, Beirut, Jilid I. hlm. 20 - 26.

c) Sejarah ringkas perkembangan tasauif

Untuk memperkatakan tentang tasauif bukanlah satu perkara yang mudah, kerana tasauif merupakan suatu misteri yang tidak dapat di capai dengan cara-cara biasa atau dengan cara intelektual. Apatah lagi untuk membincangkan sejarah kemunculannya dengan tepat. Namun begitu, gerakan tasauif pada amnya menggambarkan pemikiran dan amalan yang terdapat di dalamnya, iaitu memperlihatkan isi kandungan, konsep dan amalan tasauif sendiri. Perkembangan-perkembangan ini biasanya mengikut peringkat-peringkat zaman tertentu atau juga berkaitan rapat dengan sikap masyarakat terhadapnya.

Banyak yang berpendapat bahawa cara hidup tasauif mula muncul pada zaman Rasulullah s.a.w. Dr. Hamka membuktikan bahawa amalan hidup sebegini telah menjadi pegangan Rasulullah dengan menulis di dalam kitabnya "Perkembangan Tasauif Dari Abad Ke Abad", Baginda dikatakan sering menyisihkan diri ke dalam Gua Hira', memutuskan hubungannya dengan masyarakat buat sementara waktu, mencari kebersihan rohani dan memohon ketentuan jalan yang ditempuhinya, memandang dan merenung dengan mata hati keseluruhan kekuasaan dan perbuatan Ilahi dan ianya berakhir dengan kerinduan yang mendalam terhadap Allah. Kerinduan ini akan membuka hijab yang menutup perhubungan rohani dengan alam ghaib.⁴⁷

⁴⁷ Prof. Dr. Hamka, Perkembangan Tasauif Dari Abad Ke Abad, Pustaka Islam, Jakarta, Cetakan 6, 1966. hlm. 17.

Ajaran-ajaran Nabi s.a.w. dan peribadi mulia baginda sendiri telah memberikan pengaruh yang amat besar kepada perkembangan Islam. selari dengan perkembangan zuhud di kalangan orang Islam zaman awal itu. Malahan dapat dikatakan bahawa keseluruhan dari tasauf adalah berasal dari sejarah kerohanian dalam Islam itu sendiri. Terdapat ramai tokoh-tokoh di kalangan kaum muslimin yang terawal menghargai dan mencontohi hakikat amalan yang dibawa oleh baginda seperti para sahabat dan tabi^cin. Setengahnya terlalu memandang ringan terhadap kehidupan seharian dan begitu cenderung kepada zuhud.⁴⁸

Zuhud dalam Islam tidak seperti ajaran yang terdapat di dalam Hindu dan Kristian. Orang-orang zuhud ini tidak mengamalkan hidup membujang atau hidup bertapa. Mereka turut memainkan peranan besar dalam masyarakat. Ramai di antara mereka yang sama-sama berjuang dalam menyebarkan Islam ke merata tempat seperti Salman al Farisi yang merupakan salah seorang pengasas tasauf. Pengamalan ini dapat dilihat dengan jelas pada kehidupan sahabat-sahabat baginda yang terbesar. Umar al Khattab yang berjaya menghancurkan empayar Rom dan Parsi serta dapat mengaut kekayaan negara, tetapi hidup da

⁴⁸ Prof. Dr. Aboebakar Atjeh, Pengantar Ilmu Tarekat Dan Tasauf, Pustaka Aman Press, Cetkan Kedua, 1985. hlm. 43. Terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari. Aishah r.a. pernah bertanya "Kenapakah tuan hamba beribadat sedemikian rupa, wahai Rasulullah, padahal dosa tuan hamba yang lepas dan akan datang telah diampuni Allah?." Lalu baginda bersabda: "Adakah aku tidak patut menjadi hamba yang bersyukur."

lam kefakiran.⁴⁹ Begitu juga dengan Ali bin Abi Talib yang sentiasa wara^c, tawaddhu^c dan terlalu tidak mementingkan diri sendiri.⁵⁰ Sehingga Allah Ta^cala berfirman yang bermaksud:

"Dan mereka memberi makanan yang dikasihinya kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan. (Mereka berkata) Hanya kami memberi makanan kepadamu, keranan mengharapkan keredhaan Allah, tiada kami menghendaki daripadamu balasan dantidak pula terima kasih." 51

Zaman antara kewafatan Rasulullah dan akhir pemerintahan Bani Umaiyyah (756 M), secara kasar merupakan peringkat kedua perkembangan tasauf Islam. Pada zaman Khilafa' al Rashidin (636-661 M), perkembangannya tidaklah begitu menggalakkan. Mereka pada masa itu terlalu ingin mengembali, mengekal dan mengabadikan amalan-amalan dan peninggalan Rasulullah yang lain malahan mereka telah membuat beberapa peningkatan dalam pengajaran agama dan etikanya.⁵² Peningkatan ini alah melalui zikir yang berupa sebutan lisan secara berulang-ulang dan tawakkal yang berbentuk etika. Kedua-dua corak ini masih menjadi landasan kepada ahli tasauf sehingga kini. Pada zaman Khulafa' al Rashidin, amalan zuhud mulai bertambah nyata dan ia telah dikenali dengan berbagai nama seperti zuhhad, nussaq, rub

⁴⁹ Burhanuddin, op. cit, hlm. 20.

⁵⁰ Ibid. hlm. 20.

⁵¹ al Quran, surah al Insan, 76:8 - 9.

⁵² Y.M. Prof. Madya Dr. Engku Ibrahim b. Engku Ismail, Sejarah Perkembangan Tarikat / Tasauf Di Malaysia Dan Sikap Masyarakat Terhadapnya, Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Keempat, November 1988, Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. hlm. II.

bah dan bakka'un. Sehubungan dengan ini, Goldziher merujukannya kepada sekumpulan ahli ibadat di zaman Umaiyyah yang dikenali dengan panggilan cubbad.⁵³ Menurut ahli sufi, Hassan al Basri yang juga dikenali sebagai Abi Sa'id (m 728 M) ialah orang yang mula-mula sekali membincangkan ilmu kebatinan, kemurniaan akhlak dan usaha menyucikan diri di Masjid Basrah.⁵⁴

Bermula dari zaman Nabi s.a.w. hinggalah ke pertengahan zaman Umaiyyah, perkataan tasauf masih belum digunakan. Sumber perkataan sufi dari "suf" yang bermaksud "bulu" yang menjadi pakaian setengah ahli ibadat Islam zaman permulaan itu dapat disusuli sekurang-kurangnya sejak zaman khalifah Abd. al Malik bin Marwan (685-705 M). Pada separuh masa kedua abad masihi perkataan sufi muncul pertama kalinya sebagai tajuk dalam sejarah oleh Jabir bin Haiyam (m 815 M) seorang ahli kimia di Kufah dan sebelum akhir abad yang sama ia kerap digunakan.⁵⁵ Semenjak itu dan seterusnya gerakan istik Islam dikenali dalam Bahasa Arab sebagai "Tasauf".

Kedatangan keluarga Abbasiyah pada zaman berikutnya selaras dengan perkembangan tasauf yang semakin pesat walaupun ciri-ciri gerakannya belum dapat menentukan bentuknya.⁵⁶ Bagaimanapun,

⁵³ Ibid. hlm. 12 - 13.

⁵⁴ Hamka, Perkembangan Tasauf Dari Abad Ke Abad, op. cit. hlm. 66.

⁵⁵ R. A. Nicholson, op. cit., hlm. 305.

⁵⁶ A. J. Arberry, Sufism, An Account of The Mystics Of Islam, London, 1950. hlm. 35 - 40.

setelah perkembangannya berterusan, lahirlah tiga perkara yang melengkapkan lagi gerakan dan pembentukan tasawuf ini iaitu: Pertama, kelahiran ajaran tasawuf dari prinsip etika menjadi satu konsep mistik yang lengkap.⁵⁷ Kedua, pengaruh penyatuan (wahdah) dan amalan biasa di kalangan ahli-ahli sufi mendapat tentangan hebat kaum teologi. Ketiga, yang merupakan ciri utama ialah pertukaran dari sufiyah kepada qawn. Daripada sinilah berkembangnya nama tariqat serta lahirnya cara yang lebih praktikal, sistematik dan berfungsi.⁵⁸

Bersaingan dengan perkembangan tasawuf ini, iaitu pada permulaan kurun ketiga H, istilah tariqat dan tariq sudah mula meluas. Sememangnya perkataan tasawuf dan tariqat tidak boleh dipisahkan lagi.⁵⁹ Pada abad ke lapan hijrah tasawuf dan tariqat mula tidak mendapat perhatian yang besar oleh para pengamal dan pengkaji. Penulis-penulis tentang tasawuf turut berkurangan, yang ada hanyalah mereka yang mengupas kitab-kitab lama, mengkritik ajaran-ajaran serta amalan-amalan tasawuf dan tariqat. Mereka hanya membuat analisa-analisa ringan dan mudah tanpa menghasilkan sesuatu yang benar-benar baru. Keadaan ini berterusan sehingga hari ini, kalau pun ada hanyalah amalan, ajaran dan pendidikan jasmani dan rohani yang tidak benar-benar mencapai matlamat serta menghasilkan peribadi yang

⁵⁷ A. M. M. Mackeen, The Sufi Qawn Movement, Moslem World, Vol. L III, No. 3, London, 1963. hlm. 217.

⁵⁸ Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Keempat, op. cit, hlm. 13.

⁵⁹ Qasim Ghani, op. cit, hlm. 71.

setanding dengan kaum sufiyyah di zaman dahulu.⁵⁹

Kesimpulan yang diperolehi dari perbincangan di atas ialah tasawuf bermula sejak zaman Rasulullah lagi dan baginda adalah pengasasnya. Perkembangan ini mencapai tahap kematangan pada abad ke tiga hijrah dan selepasnya. Pada masa ini lahirlah istilah-istilah khusus yang digunakan dalam ilmu tasawuf. Tetapi bermula dari abad ke lapan hinggalah hari ini tasawuf sudah kurang mendapat sambutan.

B) Tariqat-tariqat mu^ctabar

Tariqat sufiyyah berkembang melalui analan-amalan dalam tasawuf dan melahirkan tariqat-tariqat induk. Tariqat-tariqat ini berkembang pesat mengikut kecenderungan sheikh-sheikh tariqat tersebut. Adalah mustahil untuk memberikan suatu jumlah yang tepat tentang bilangan ahli-ahli tariqat tasawuf dalam dunia ini. Tetapi di dalam Encyclopedia Of Islam menganggarkan sebanyak tiga peratus daripada keseluruhan penduduk Islam di dunia adalah penganut berbagai tariqat.

Pada peringkat permulaan, hanya terdapat empat belas aliran tariqat yang asli. Kewujudan ini ialah pada abad kedua belas dan enam belas masihi. Kemudian lahir pula 163 aliran termasuk aliran yang salah. Pada hari ini hanya terdapat 76 buah tariqat yang masih wujud.⁶⁰ Tiap-tiap tariqat ini menunjukkan perbezaan dalam

⁵⁹ Hamka, op. cit, hlm. 184.

⁶⁰ Lihat senarai nama aliran tasawuf dalam Encyclopedia Of Islam, artikel "Tarika", Tariqah Muktabar al Maeam.

perkumpulan dan menjelaskan kepelbagaian cara dalam lapangan rohani. Tariqat ini mempunyai cara tersendiri, pengajaran dan latihan tanpa terpisah dari asas-asas Islam. Semua dasarnya disandar pada al Quran dan al Sunnah yang diusahakan oleh murshidnya.⁶¹

Sheikh Hj. Jaluluddin menerangkan bahawa terdapat 41 jenis tariqat mu^ctabar, sebagaimana yang disenarai di bawah:⁶²

- | | |
|--------------------------|----------------------------|
| 1. Tarekat Kadiriyyah | 2. Tarekat Naksyabandiyyah |
| 3. Tarekat Syaziliyyah | 4. Tarekat Ahmadiyyah |
| 5. Tarekat Dasukiyyah | 6. Tarekat Akbariyah |
| 7. Tarekat Maulawiyah | 8. Tarekat Qurabiyyah |
| 9. Tarekat Rifa'iyah | 10. Tarekat Suhrawardiyyah |
| 11. Tarekat Khalwatiyyah | 12. Tarekat Jalutiyyah |
| 13. Tarekat Bakdasiyyah | 14. Tarekat Ghazaliyyah |
| 15. Tarekat Rumiyyah | 16. Tarekat Jathiyah |
| 17. Tarekat Sya8baniyyah | 18. Tarekat Kaisaniyyah |
| 19. Tarekat Hamzawiyah | 20. Tarekat Alawiyyah |

⁶¹ R.W.J. Austin, In His Introduction Sufis Of an Andalusia The Rur al Quds And al Durat al Fakhirat Of Ibn Arabi, George Allen & Unwin, London, 1971. hlm. 53.

⁶² Prof. Aboebakar Atjeh, Pengantar Ilmu Tarekat Dan Tasauf, Pustaka Aman Press, Cetakan 2, 1985. hlm. 311. Mengikuti penerangan Imam al Tusi dalam kitab Luma, ukuran benar tariqat ialah menjauhkan segala yang haram dan menegahnya samada besar atau kecil, menyempurnakan segala yang difardhu samada senang atau susah dan mengambil dunia sekadar yang diperlukan. Antara ciri-ciri penyelewengan sesebuah tariqat ialah menyangka bahawa apabila ubudiyah telah sampai kepada Allah, seseorang itu akan bebas dan gugur ubudiyahnya (huriyyah), kemudian ia lebih mulia dari Nubuwah, begitu juga dengan dakwaan bahawa ia melihat Allah dengan ma

- | | |
|---------------------------------------|--------------------------|
| 21. Tarekat Usyaqiyyah | 22. Tarekat Bakriyyah |
| 23. Tarekat Umariyyah | 24. Tarekat Uthmaniyyah |
| 25. Tarekat Aliyyah | 26. Tarekat Abbasiyyah |
| 27. Tarekat Haddadiyyah | 28. Tarekat Maghribiyyah |
| 29. Tarekat Ghaibiyyah | 30. Tarekat Hadiriyyah |
| 31. Tarekat Syatariyyah | 32. Tarekat Bayumiyyah |
| 33. Tarekat Aidrusiyyah | 34. Tarekat Sanbliyyah |
| 35. Tarekat Malawiyyah | 36. Tarekat Anfasiyyah |
| 37. Tarekat Sammaniyyah | 38. Tarekat Idrisiyyah |
| 39. Tarekat Badawiyyah | 40. Tarekat Sanusiyyah |
| 41. Tarekat Sya ^c baniyyah | |

Setelah banyak kajian dibuat tariqat-tariqat itu jelaslah ia merupakan ajaran yang diijazahkan dari seorang guru kepada guru yang lain sehingga sampai kepada para sahabat dan seterusnya Rasul Allah dengan salsilah yang terang dan terpelihara. Tariqat-tariqat inilah yang akan memandu pengamalinya untuk menunaikan sifat cu budiyyah, menghamba diri pada Tuhan yang hak dengan menunaikan hak rububiyyah.

E) Tariqat Ahmadiyah di zaman pengasas utamanya

Salsilah dalam ajaran tariqat adalah amat penting kerana ia perlu untuk menjaga pertalian kerohanian yang terus menerus dengan

ta hati. Ia juga mendakwa melihat Allah dan NurNya, mengatakan roh menjelma serta menyerap (tanasukh) dari satu jisim ke satu jisim yang lain.

pemimpin tariqat sebelumnya. Salsilah ajaran tariqat terdiri dari sederetan nama para wali yang terkemuka dalam dunia tasawuf Islam. Penerimaan tariqat adalah berterusan dari seorang sheikh murshid kepada seorang sheikh murshid yang lain di mana akhirnya salsilah ini sampai kepada para sahabat r.a. dan Rasulullah s.a.w.

Tariqat Ahmadiyah juga mempunyai salsilah yang jelas dan berterusan hingga kepada Rasulullah. Pengasas awalnya ialah Sidi Ahmad b. Idris yang meninggal pada 12 Rejab 1353 H.⁶³ Kemudian tariqat ini diterima oleh Sidi Ibrahim al Rashidi yang meninggal pada 9 Sha'ban 1291 H dan seterusnya tariqat ini diterima oleh Sidi Muhammad b. Ahmad al Dandarawi.⁶⁴ Bermula daripada Sidi Ahmad al Dandarawi, terdapatnya cabang-cabang yang banyak di dalam salsilah tariqat ini. Ternyata Tariqat Ahmadiyah mempunyai salsilah yang pendek kerana Sidi Ahmad sebagai pengasasnya yang pertama mendakwa bahawa beliau menerima tariqat ini secara langsung daripada Rasulullah.⁶⁵

⁶³ Sheikh Soleh al Ja'afari, Kanzu al Sa'adah, Dar al Jawami^c al Kalam, Kaherah. hlm. 12.

⁶⁴ Ahmad b. Muhammad Said al Linggi; Faraid al Maathir al Marwiah Li al Tariqat al Ahmadiyah al Rashidiyah al Dandarawiah, Suntingan dan ubah suai bahasa oleh: Mahmud Hj. Ahmad, Terbitan Persatuan Ulama' Malaysia, Selangor. hlm. 33. Selanjutnya penulis hanya akan menyebut "Maathir".

⁶⁵ Hj. Muhammad Said b. Jamaluddin al Linggi, al Ahzab al Urfaniyah wa al Aurad al Nuriyah, t.p, t.th, hlm. 16. Selanjutnya penulis hanya akan menyebut "al Ahzab" sahaja.

I. Sidi Ahmad b. Idris

Sidi Ahmad b. Idris adalah pengasas pertama Tariqat Ahmadiyah.⁶⁶ Beliau dilahirkan di Kampung Maisur, Arayish di tepi laut Moroko dalam negeri Fez pada tahun II72 H (1757 M).⁶⁷ Nama penuh beliau ialah Ahmad b. Idris b. Abdullah b. Hussin al Masna b. Abi Muhammad hingga kepada Saidina Hussin al Basti.⁶⁸

Semenjak kecil lagi beliau dididik dalam disiplin agama di mana kemudiannya beliau berguru dengan beberapa 'ulama' dan ahli sufi yang terkenal. Sebelum Sidi Ahmad menerima Tariqat Ahmadiyah ini, beliau telah beramal dengan Tariqat al Khadhiriyyah al Aziziah yang diterima daripada Sidi Abdul Wahab al Tazi. Tariqat kedua pernah diterimanya ialah Tariqat Shadziliyyah daripada Abu Qasim al Waziri al Ghazi dan seterusnya beliau menerima Tariqat al Khalwatiyyah daripada Sheikh Hassan b. Hassan Bek al Qanai.⁶⁹

Walaupun beliau menerima banyak tariqat sepanjang hidupnya sebelum mengasaskan Tariqat Ahmadiyah, beliau tetap tidak hanyat

⁶⁶ Tariqat Ahmadiyah yang diasaskan oleh Sidi Ahmad b. Idris ini sering dinamakan al Idrisiyyah oleh para pengkaji untuk membezakannya dengan sebuah tariqat lain yang diasaskan oleh Ahmad Badawi.

⁶⁷ Ahmad b. Muhammad Said al Linggi, Risalah Manaqib Sidi Ahmad b. Idris, Negeri Sembilan, 1952. hlm. 7.

⁶⁸ Ahmad Muhammad Ridhuan, al Nafakhat al Rabbaniyyah, Wizarat al Auqat, Mesir, 1981. hlm. 173-174.

⁶⁹ Maathir, op. cit., hlm. 34. Lihat juga Kitab Majmuk, karangan Muhammad Said b. Jamaluddin al Linggi, hlm. 13 dan Kitab Manaqib Sidi Ahmad b. Idris, op. cit., hlm. 8.

dalam berbagai aliran ajaran tariqat tersebut. Malahan beliau tidak bersetuju dengan amalan-amalan yang melampau di dalam ajaran sufi.⁷⁰ Sidi Ahmad memang terkenal dengan sikapnya yang bercorak reaksioner. Beliau tidak menerima sesuatu hukum sekiranya tidak disandarkan kepada al Quran dan al Hadis. Malahan beliau menolak ijma^c 'ulama' melanikan yang dibuat oleh para sahabat terdekat di samping dalil-dalil yang sahih.

Sidi Ahmad banyak mengembara ke negeri-negeri lain dengan tujuan untuk berguru kepada guru-guru sufi yang terkenal. Buat pertama kalinya beliau bertolak ke Mekah untuk berguru di samping menunai haji. Semenjak itu beliau tidak kembali lagi ke tanah airnya di Moroko.⁷¹ Pada tahun 1799 Sidi Ahmad ke Kaherah dan menetap di daerah Qina.⁷² Kemudian pada tahun 1818 sekali lagi beliau ke Mekah untuk belajar sambil mengajar orang ramai. Akhirnya beliau mengembara ke Zabid pada tahun 1827 dan terus ke Kota Sabya yang terletak di Asir. Beliau meninggal dunia di kota ini pada tahun 1837M (1253 H) dan dikebumikan di bandar Saria, Yaman Utara.

Semasa bersahabat dengan Sidi Abi Qasim al Waziri al Tazi,

⁷⁰ Hamdan Hassan, Tarikat Ahmadiyah Di Malaysia, Tesis Ph.D, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1985. hlm. 39.

⁷¹ al Linggi, al Ahzab, op. cit, hlm. 16.

⁷² Risalah Manaqib Sidi Ahmad b. Idris, op. cit, hlm.

Allah telah membuka pintu tariqat kepada beliau. Ketika itu Sidi Ahmad sudah pun mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang tariqat dan beliau mahir di dalam persoalan dan amalan-amalannya. Beliau juga begitu matang di dalam ilmu al Quran dan al Sunnah yang sukar ditandingi pada masa itu.⁷³ Sidi Ahmad telah diberi tauliah sebagai khalifah yang diizinkan untuk mengajar agama di dalam bidang tersebut.⁷⁴ Sidi Ahmad dikatakan menerima Tariqat Ahmadiyah ini di dalam pertemuannya dengan Rasulullah dalam bentuk pertemuan suri selepas kematian gurunya Abu Qasim.⁷⁵ Di dalam pertemuan ini, Rasulullah telah mengarahkan Saidina al Khaidir supaya mengajar kepada Sidi Ahmad semua zikir Tariqat Shadziliyah, lalu Khaidir segera menjalankan perintah tersebut. Kemudian Rasulullah menyuruh Saidina Khaidir mengajar pula zikir, selawat dan istighfar yang terbesar dan terafdhal sekiranya dibandingkan dengan zikir, selawat dan istighfar yang lain. Lantas Saidina Khaidir mengajarnya. Selepas itu, Rasulullah sendiri telah mentalqinkan zikir, selawat adzamiyah dan istighfar kabir kepada Sidi Ahmad.⁷⁶ Oleh itu tariqat itu telah dikenali dengan nama Tariqat Ahmadiyah kerana dihubungkan kepada Sidi Ahmad b. Idris.

⁷³ al Maathir, op. cit., hlm. 37.

⁷⁴ Risalah Munaqib Sidi Ahmad b. Idris, op. cit., hlm. 13.

⁷⁵ al Linggi, al Ahzab, op. cit., hlm. 14 - 15.

⁷⁶ Sila lihat Lampiran A.

Tariqat Ahmadiyah mempunyai tujuan yang berbeza dengan para sufi klasik yang lebih cenderung kepada penyatuan hakikat roh manusia dengan Allah. Sidi Ahmad pula lebih menekankan kepada penyucian roh supaya setanding dengan hakikat roh Nabi Muhammad. Setanding di sini bermaksud pencapaian martabat roh pengamal Tariqat Ahmadiyah adalah sama dengan kedudukan martabat roh Nabi Muhammad. Konsep ini jelas dilihat daripada zikir, selawat adzamiyah dan istighfar Kabir yang menjadi amalan utama ikhwan Tariqat Ahmadiyah. Konsep nur dan roh dapat dilihat dalam amalannya seperti selawat adzamiyah yang berbunyi " اللهم اني اسئلك بنور وجه الله ". Maksudnya: "Hai Tuhanku, bahawa aku memohon daripada Mu dengan nur wajah Allah yang maha besar." 77

Dari kenyataan ini, jelaslah bahawa Tariqat Ahmadiyah diasas oleh seorang yang berfikiran baru yang lebih menitik beratkan tentang penyucian rohani daripada menghendaki penyatuan roh dengan Allah s.w.t. sebagaimana yang dicari oleh ahli sufi klasik.

2. Sidi Ibrahim al Rashidi

Sidi Ibrahim al Rashidi merupakan pewaris kedua Tariqat Ahmadiyah selepas Sidi Ahmad b. Idris. Nama sebenar beliau ialah Ibrahim b. Salleh al Qahanbi b. Sayyid Abdul Rahman. Beliau berasal dari keluarga awliya' Allah di mana beliau dikatakan berasal dari A-

77 Risalah Munaqib Sidi Ibrahim al Rashidi, op. cit., hlm. 14.

gil b. Abi Talib r.a. ⁷⁸ Beliau dilahirkan pada bulan Rejab 1228 H (1813 M) di negeri Duih di Sudan. ⁷⁹

Pada mulanya beliau mendapat pendidikan daripada bapanya yang terkenal dengan ke^c alimannya dalam bidang agama. Sejak kecil lagi Sidi Ibrahim menghafal al Quran dan mempelajari ilmu-ilmu agama yang penting. Hasilnya beliau menjadi 'ulama' dan imam sembahyang dalam usia yang masih muda. Oleh itu beliau telah diberi gelaran al Rashid di samping beliau juga dapat menguasai segala ilmu hagaig. ⁸⁰ Keinginan Sidi Ibrahim untuk mempelajari ilmu tariqat bermula bila beliau bermimpi ada suatu cahaya yang datang mengejutkan hatinya. Selepas itu lahirlah keinginan beliau untuk berjumpa dan berguru dengan Sidi Ahmad pengasas Tariqat Ahmadiyah yang ketika itu berada di Yaman. ⁸¹ Sidi Ibrahim telah bertolak ke Hijaz dengan tujuan menemui Sidi Ahmad. Tetapi Sidi Ahmad telah belayar ke Sabya. Oleh itu pada tahun 1248 H (1832 M), ketika usianya mencapai dua puluh tahun, beliau telah belayar ke Yaman. Apabila tiba di sana beliau dijemput oleh Sidi Ahmad supaya bermalam di rumahnya. Dua hari kemudian, beliau menerima Tariqat Ahmadiyah dan berkhidmat kepada gurunya itu selama lima tahun lima bulan. ⁸²

Sidi Ibrahim menjadi murid yang pintar dan mempunyai banyak

⁷⁸ Ibid. hlm. 45.

⁷⁹ Ibid. hlm. 46.

⁸⁰ Ibid. hlm. 46.

⁸¹ Ibid. hlm. 50.

⁸² Ibid. hlm. 51.

kelebihan berbanding dengan murid-murid Sidi Ahmad yang lain. Oleh itu beliau menjadi murid kesayangannya sehingga terdapat riwayat yang mengatakan bahawa Sidi Ahmad meninggal dunia di atas pangkuan beliau.⁸³ Setelah Sidi Ahmad meninggal dunia, Sidi Ibrahim al Rashidi muncul sebagai pewaris yang menggantikan tempat pengasasnya dengan mewarisi zikir, selawat adzaniyah dan istighfar kabir.⁸⁴ Pewarisan ini diiktiraf oleh anak sulung Sidi Ahmad b. Idris. Sidi Ibrahim juga mendapat penghormatan untuk bertemu dengan Rasulullah s.a.w. dan menerima beberapa amalan zikir dari baginda. Oleh kerana itu, apa-apa sahaja amalan yang tidak ada pada Sidi Ahmad adalah perjalanan Sidi Ibrahim yang menerima sendiri daripada baginda s.a.w. Maka nama Tariqat Ahmadiyah al Idrisiah bertambah menjadi Tariqat Ahmadiyah al Rashidiah.⁸⁵

Usaha-usaha Sidi Ibrahim untuk memperkenalkan Tariqat Ahmadiyah ke masyarakat luar telah berjaya mengembangkannya ke Somelia pada tahun 1850 M.⁸⁶ Murid-muridnya menganggap beliau sebagai ahli sufi yang berhasil mencapai maqam qutb. Beliau meninggal dunia pada bulan Sha^cban 1291 H (1872 M) dan dikebumikan di suatu tempat

⁸³ Ibid. hlm. 51.

⁸⁴ al Maathir, op. cit., hlm. 39.

⁸⁵ Ibid. hlm. 39.

⁸⁶ J. S. Trimingham, Islam In Ethiopia, Frank And Cass Company Ltd. London, 1965. hlm. 242.

3. Sidi Muhammad b. Ahmad al Dandarawi

Sidi Muhammad b. Ahmad al Dandarawi adalah pengasas terakhir bagi Tariqat Ahmadiyah. Gelaran al Dandarawi diberikan kerana menghubungkan dengan suatu tempat yang dikenali sebagai Dandara yang terletak lebih kurang 6 batu dari bandar Qina di Lembah Nil di bahagian Selatan Kaherah.⁸⁸ Beliau dilahirkan di bandar Qira, tetapi keluarganya berasal daripada bangsawan Moroko yang datang ke Mesir untuk memerangi golongan kafir di situ dan akhirnya mereka menetap di Dandara sehingga sekarang.⁸⁹

Muhammad b. Ahmad al Dandarawi telah mengembara ke Mekah dan berguru kepada Sidi Ibrahim al Rashidi. Ketika itu beliau pun menerima Tariqat Ahmadiyah al Rashidiah. Sidi Ibrahim mendidik beliau sehingga beliau diakui sebagai ahli sufi yang mempunyai beberapa kelebihan dan keistimewaan seperti mengetahui ilmu laduni, ilmu haqaiq, ilmu daqaiq dan kashaf.⁹⁰ Beliau dikatakan dapat mencapai maqam qutb yang digelar qutb al Rawi.

Sebagaimana pengasas Tariqat Ahmadiyah yang lain, Sidi Mu-

⁸⁷ Hamdan Hassan, op. cit, hlm. . Dan lihat juga al Muza
Kitab, op. cit, hlm. 66.

⁸⁸ Risalah Munaqib Sidi Muhammad b. Ahmad al Dandarawi, op.
cit, hlm. 71.

⁸⁹ Ibid. hlm. 75.

⁹⁰ al Maathir, op. cit, hlm. 40.

hammad juga mendapat penghormatan untuk bertemu dengan Rasulullah. Beliau mendapat beberapa amalan zikir yang tidak diperolehi oleh kedua-dua pengasas Tariqat Ahmadiyah sebelumnya. Amalan ini disebut sebagai perjalanan Sidi Muhammad yang di antaranya ialah mentalqin orang yang ingin beramal dengan Tariqat Ahmadiyah dengan lafaz لا اله الا الله محمد رسول الله sebanyak empat kali.⁹¹ Oleh itu Tariqat Ahmadiyah berubah sekali lagi menjadi Tariqat Ahmadiyah al Rashidiah al Dandarawiah bersempena nama Sidi Muhammad b. Ahmad al Dandarawi.

Al Dandarawi mempunyai cita-cita untuk mengembangkan lagi ajaran al Dandarawiah, tidak hanya di sekitar Tanah Arab tetapi meliputi daerah-daerah yang lebih jauh termasuk India dan Asia Tenggara khususnya Malaysia. Bagi memenuhi cita-cita tersebut, beliau mengirim wakil-wakil tertentu sebagai utusan khas bagi menjelaskan konsep ajaran Tariqat Ahmadiyah dan cita-cita pengasasnya Sidi Ahmad b. Idris. Wakil-wakil tersebut seperti Sidi Azahari b. Hassan ke India, Haji Muhammad Said b. Jamaluddin al Linggi ke Malaysia.²⁹ Beliau meninggal pada 29 Muharram 1327 H (1909 M) di Madinah dengan meninggalkan murid yang ramai.

⁹¹ al Maathir, Ibid. hlm. 40.